

2014

Karangkraf & KUIS jalin kerjasama

4 Februari 2014 (SInar Harian)

BY: Muhammad Zakwan Nazaraly

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/karangkraf-kuis-jalin-kerjasama-1.247216>

BANGI- Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf) memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) bertujuan membantu pelajar yang kurang berkemampuan menyambung pelajaran di pusat pengajian itu.

Penasihat Eksekutif Editorial Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Abd Jalil Ali berkata, Karangkraf akan menyediakan pembentangan biasiswa berjumlah RM500,000 kepada pelajar baharu yang ingin meneruskan pengajian di Kuis.

“Kerjasama ini membuka peluang kepada bakal pelajar yang berlatar belakang dari keluarga yang kurang berkemampuan untuk menyambung pengajian di peringkat tinggi tanpa berhutang daripada mana-mana pihak.

“Biasiswa ini termasuk kos pengajian sepanjang berada di Kuis dan kos penginapan pelajar,” katanya.

Memorandum perjanjian ditandatangani Rektor Kuis, Prof Madya Datuk Dr Abdul Halim Tamuri dan Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacub serta disaksikan

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa.

Menurutnya, para pelajar di bawah biasiswa ini juga akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan khidmat ummah bagi membina keyakinan diri selain menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang berfaedah.

Sementara itu, Dr Abdul Halim berkata, Kuis sedang dalam rangka menjadikan kolej tersebut sebagai universiti wakaf bertujuan menggalakkan masyarakat supaya beramal sambil melabur dalam saham akhirat melalui pendidikan.

“Wakaf tersebut boleh dilakukan dalam bentuk persendirian ataupun melalui syarikat.

Sementara itu, Pengurus Unit Latihan dan Implemenasi Karangkraf, Nor Azam Aris berkata, sebelum ini Karangkraf telah menandatangani perjanjian dengan lima institut pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi tempoh lima tahun untuk tajaan biasiswa setiap institusi.

"IPTS itu ialah Segi Universiti, Unirazak, Unitar, Unisel dan Uniten.

“Jumlah tajaan untuk setiap institusi setahun RM1 juta dan RM500,000 bagi Uniten dan Kuis. Justeru keseluruhan biasiswa untuk tempoh setahun bagi enam IPTS ini ialah RM5 juta,” katanya.

Azam berkata, jumlah pelajar yang telah ditaja setakat ini juga seramai 200 orang dari pelbagai institusi.

“Oleh itu kepada semua pembaca bahan bacaan Karangkraf yang berminat untuk memohon biasiswa ini, ia masih terbuka untuk tempoh sepanjang tahun,” katanya.